

Jaminan menteri, KSN

BH 3/5/2016
ms 1

Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar mahu semua pembangunan hutan simpan kekal (HSK) dirujuk kepada kementeriannya berkuat kuasa serta-merta. Tan Sri Dr Ali Hamsa pula tegaskan tiada siapa boleh majukan baki 68 hektar HSK di ibu kota → **Ms.16**

Fakta nombor

68.27 HEKTAR

Baki HSK sekitar Kuala Lumpur

38 HEKTAR

Kawasan HSK di Kuala Lumpur diluluskan kerajaan bagi tujuan pembangunan tidak diganti


[FOTO MOHAMAD SHAHRI BADRI SAALI/BH]

BH PLUSdi www.bharian.com.my
untuk lebih gambar dan video

SUSULAN BH BONGKAR ISU HUTAN SIMPAN KEKAL TERANCAM



HSK perlu dipertahankan demi kepentingan generasi masa hadapan.



HSK dijamin tidak jadi ‘mangsa cabul’

BH 3/5/16 ms. 16


• Ketua Setiausaha Negara janji tiada lagi pembangunan

Oleh M Hizuddin Ihsan,
Ahmad Suhael Adnan
dan Fahmy Azril Rosli
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur

Hutan Simpan Kekal (HSK) sekitar ibu negara yang kini hanya berbaki kira-kira 68 hektar, akan dipertahankan daripada ancaman pembangunan pada masa depan.

Jaminan itu diberikan oleh Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ali Hamsa berikutan pendedahan akbar BH berhubung pencabulan HSK di sekitar ibu negara atas



Ali Hamsa

nama pembangunan dan perniagaan, terutama oleh syarikat pemaju.

Jamin tiada pembangunan

Beliau memaklumkan perkara itu kepada wartawan BH yang menghubunginya semalam untuk mendapatkan reaksi kerajaan berhubung pendedahan berkenaan.

Ali memberi jaminan tidak membenarkan mana-mana pihak memajukan baki kawasan yang sudah diwartakan sebagai HSK.

Serentak itu, Ketua Pengarah Taman dan Galian (KPTG) akan diarah mengemukakan laporan berhubung rizab HSK sekitar Kuala Lum-

pur yang sudah dibangunkan tetapi gagal diganti mengikut undang-undang.

“Status tanah dua kawasan itu perlu diperiksa terlebih dahulu. Jika berstatus hutan kekal, memang (pembangunan) tidak akan diluluskan,” katanya.

Beliau diminta mengulas pendekan bersiri BH sejak Sabtu lalu, berhubung baki HSK sekitar Kuala Lumpur seluas 68.27 hektar, khususnya sekitar Bukit Sungai Puteh dan Bukit Nanas, yang diintai pemaju untuk dibangunkan dengan projek pembangunan bercampur dan resort me wah.

kepada BH, semalam.

Wan Junaidi berkata, isu itu turut dibincangkan ketika mesyuarat kementeriannya baru-baru ini dan pihaknya meminta sedaya upaya semua pembangunan di kawasan HSK dielakkan.

Komitmen Malaysia

“Kita sudah berbincang bersama Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Lembaga Lebuhraya Malaysia dan Tenaga Nasional Berhad agar tiada lagi tanah hutan simpan kekal diambil. Langkah ini bagi memastikan komitmen Malaysia kepada Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) dipatuhi,” kata nya.

Berikut itu, beliau meminta semua pihak terutama kerajaan negeri mempertahankan HSK yang masih ada, termasuk kawasan tадahan hujan demi kepentingan masa hadapan.

Sebarang pembangunan perlu rujuk kementerian



Pihak kami meminta sedaya upaya semua pembangunan di kawasan HSK dielakkan”

Wan Junaidi Tuanku Jaafar,
Menteri Sumber Asli
dan Alam Sekitar

Georgetown: Berkuat kuasa serta merta, setiap pengambilan dan pembangunan kawasan Hutan Simpan Kekal (HSK) di seluruh negara perlu dirujuk kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar.

Ini kerana 86,000 hektar kawasan HSK yang sudah diambil bagi tujuan pembangunan sejak 1960-an gagal diganti sepenuhnya oleh kerajaan negeri dan Persekutuan.

Menteri Sumber Asli dan Alam

Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar, berkata mengikut Seksyen 11 Akta Perhutanan 1984, kerajaan dibenar mengambil dan membangunkan HSK tetapi Seksyen 12 akta sama mengarahkan ia perlu diganti.

HSK tidak diganti

Beliau berkata, majoriti HSK diambil syarikat utiliti, Jabatan Kerja Raya dan kerajaan negeri bagi pembinaan infrastruktur asas termasuk empangan hidroelektrik.

“Saya memang sedih melihat banyak HSK negara dikeluarkan dari status gazet bagi tujuan pembangunan tanpa digantikan dengan kawasan lain seperti ditetapkan.

“Saya akan mengarahkan semua pembangunan hutan simpan kekal dan tanah kerajaan lain dirujuk kepada Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar terlebih dahulu dan perkara ini akan maklumkan kepada Majlis Tanah Negara dengan segera,” katanya.